

PM: RCI bagi 'Projek IC' masih dipertimbangkan
MalaysiaKini.com
February 23, 2012
Abdul Rahim Sabri

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menolak dakwaan kononnya kerajaan telah meluluskan penubuhan sebuah Suruhanjaya Diraja (RCI) bagi menyiasat tuduhan bahawa ramai pendatang asing diberikan kerakyatan negara ini bagi membolehkan mereka mengundi atau lebih dikenali sebagai 'Projek IC' di Sabah.

Sebaliknya, Najib sekadar berkata kerajaan sedang mempertimbangkan penubuhan suruhanjaya berkenaan.

"Kita sedang timbang (penubuhannya)," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam ini.

Jawapan perdana menteri itu dikatakan mengejutkan banyak pihak kerana beberpa pemimpin kanan Sabah sebelum ini berkata jemaah menteri pada mesyuaratnya pada 8 Februari lalu telah bersetuju menubuhkan suruhanjaya berkenaan.

Malah pemimpin BN Sabah juga membuat spekulasi bahawa Najib akan mengumumkan secara rasmi penubuhan RCI itu semasa lawatan dua harinya ke negeri itu pada 16 Februari lalu.

Bagaimanapun, perkara itu tidak menjadi kenyataan dan Najib meninggalkan Sabah tanpa langsung menyebut tentang sebarang siasatan berhubung peningkatan penduduk Sabah secara mendadak terutamanya membabitkan pendatang asing.

Malah, Setiausaha Agung Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut (Upko) Wilfred Madius Tangau, ketika dihubungi Malaysiakini, Rabu lalu berkata penubuhan suruhanjaya itu sudah diluluskan tetapi terma rujukan dan ahli-ahlinya masih belum dimuktamadkan.

Menurut Tangau, jemaah menteri pada mesyuarat 8 Februari telah meluluskan penubuhan suruhanjaya itu dan perkara itu juga telah diminitkan.

Katanya lagi, kerajaan persekutuan memerlukan masa untuk mendapatkan maklum balas daripada beberapa sumber di Sabah dan juga kerajaan negeri.

Penubuhan RCI itu adalah antara cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) mengenai pembaharuan dalam sistem pilihan raya di negara ini dalam laporan awalnya.

PSC semasa inkuiri awam yang dijalankan di Sabah pada November lalu menerima banyak aduan berhubung Projek IC.

Projek IC didakwa dijalankan sekitar tahun 1980-an dan 1990-an. Projek operasi rahsia dan bersepadu itu bertujuan memberikan kad pengenalan kepada rakyat asing dengan niat untuk mengubah demografi Sabah supaya penduduknya menyokong Umno.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/190114>